

Program motivasi kecemerlangan, kepemimpinan diri UMS capai sasaran

UM 15.5.2013 26

KOTA KINABALU 14 Mei - Program motivasi kecemerlangan dan kepemimpinan diri yang dianjurkan pelajar Kursus Interaksi Institusi Dan Masyarakat (Interim) Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini berjaya mencapai matlamatnya.

Program serampang dua mata yang disertai 62 pelajar sekolah itu bukan sahaja menyuntik motivasi kepada kumpulan sasaran tetapi turut memberi manfaat kepada kira-kira 40 mahasiswa UMS yang menjadi fasilitator dalam program sehari itu.



CLARE ANN SINDAM



NUR SYAFIQAH

Pengarah Program, Herman Anak Untam berkata, program tersebut yang dianjurkan Interim UMS menasarkan penyertaan pelajar sekolah yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).



PESERTA bersorak kegembiraan dalam program motivasi kecemerlangan dan kepemimpinan diri anjuran pelajar Interim Universiti Malaysia Sabah di Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.

Antara sekolah yang terlibat ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kolombong, SMK Tebongan dan SMK Peter Mojuntin.

Kata Herman, melalui program itu mahasiswa UMS berkongsi pengalaman dan menyuntik semangat para pelajar supaya berusaha berprestasi-sungguh sehingga berjaya ke menara gading.

Beliau berkata, para peserta di-

dedahkan dengan pelbagai kemahiran seperti kaedah pengurusan masa dan strategi pembelajaran yang efisien serta efektif.

"Antara aktiviti yang diadakan termasuk ceramah motivasi, latihan dalam kumpulan dan juga persembahan. Program ini sebenarnya turut memberi manfaat besar dalam melatih dan mengasah bakat kepemimpinan dalam kalangan ma-

hasiswa," katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Pengarah Program, Nor Umira Nazira Nazir berkata, program tersebut turut memberi satu pengalaman dan cabaran kepada semua mahasiswa.

"Selain mengasah bakat mahasiswa ia sebenarnya dapat merapatkan lagi jalinan ukhuwah dengan masyarakat setempat apatah lagi ra-

mai di sini adalah dari semenanjung," katanya.

Dalam pada itu, seorang fasilitator, Clare Ann Sindam, 20, berkata, program berkenaan telah memberi pendedahan kepadanya mengenai cara kepemimpinan dan komunikasi yang baik.

Katanya, ia juga menambah keyakinan kepadanya untuk menjadi pemimpin dan mengendalikan se-

suatu perkara.

Sementara itu, seorang pelajar, Nur Syafiqah Mian, 17, berkata, program berkenaan amat bermanfaat dan memberi semangat kepadanya untuk terus berusaha dengan lebih cemerlang.

"Saya semakin bersemangat dan nampak dengan jelas strategi terbaik untuk merangka kejayaan," katanya.